

Shahrizat ambil cuti satu keputusan bijak
The Malaysian Insider
14 Januari , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 14 Jan — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menganggap keputusan menteri pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengambil cuti tiga minggu adalah tindakan yang bijak.

Menurut Najib, keputusan tersebut akan memudahkan segala urusan siasatan oleh pihak berkuasa terhadap skandal Pusat Fidlot Nasional (NFC).

“Saya telah berbincang dengan Shahrizat berkenaan keputusan beliau itu, dan itu satu keputusan bijak supaya pihak berkuasa dapat menjalankan siasatan terhadap skandal terbabit,” katanya dipetik Bernama Online.

“Shahrizat turut menyuarakan kesediaan untuk disiasat. Apa sahaja yang berlaku selepas ini bergantung kepada hasil siasatan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Hari Petani, Penternak, dan Nelayan di parit Buntar, Perak.

Shahrizat (gambar) dalam kenyataannya Khamis lalu menyatakan dia telah memohon cuti daripada menjalankan tugas sebagai menteri selama tiga minggu kepada perdana menteri bermula Jumaat.

Isu NFC dibangkitkan Laporan Ketua Audit Negara 2010 apabila menyatakan terdapatnya kecelaruan terhadap perjalanan projek berkenaan.

Perdana menteri turut berkata, kerajaan telah membekukan aset NFC yang dipengerusikan oleh suami Shahrizat, Datuk Mohamad Salleh, tindakan yang dilihat akan menyelesaikan kontroversi skandal yang menyelubungi projek ternakan lembu berkenaan.

Jelas beliau, dengan keputusan ini, perjalanan projek tersebut akan diawasi oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Pengarah Strategik PKR, Rafizi Ramli pada Khamis lalu mendesak kerajaan membekukan aset NFC berikutan terdapatnya dakwaan dan rancangan mencurigakan untuk mengambil alih syarikat National Meat and Livestock Corporation (NLFC) oleh NFC dalam satu Mesyuarat Agung Luarbiasa (EGM) dengan mengeluarkan notis singkat untuk membuat keputusan.

Rafizi percaya tindakan itu adalah satu cubaan untuk menutup jejak dan langkah penyelewengan yang berlaku dalam skandal tersebut.